

TAMU hari ibu

Oleh MOOR HIDAYAH SHAFIEE
Foto MUHAMMAD SHAHIR NOORDIN & KOLEKSI ALBUM PERIBADI
FELICIA & EHSAN LAMANIRASMI SUKAN SEA.



Antara trofi kemenangan yang diperolehi Felicia.

Biarpun Felicia Mikat atau Felicia kini bergelaran ratu pecut sukan para negara, namun anak jati keturunan Dusun ini menganggap kecemerlangan diperolehi adalah berkat usaha dan perjuangan orang tuanya dalam membesarkannya.

Malah menurut pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Baidin, Tuaran itu lagi, nasihat, dorongan, suntikan semangat, kasih sayang dan doa yang panjatkan oleh ibunya, Nimah Batingan telah membuatkan dia berjaya mengapai kejayaan sehingga ke tahap ini.

"Mommy insan yang paling banyak mempengaruhi kejayaan saya. Kerana

jasanya saya mampu berdirikan, tidak tercirir dalam pelajaran dan boleh mengasah minat dalam dunia sukan balapan.

"Saya masih ingat ketika kecil, mommy lah yang bersusah payah membawa saya ke hospital untuk terapi dan rawatan susulan kerana saya dilahirkan dengan masalah penglihatan yang kabur.

"Bukan itu sahaja, mommy juga sanggup berpisah dengan saya demi menjamin masa depan yang cerah buat saya. Oleh itu, mommy terpaksa menghantar saya ke pra sekolah khas buat kanak-kanak istimewa di bandar dan merelakan saya tinggal di sana. Begitu juga ketika saya berada di sekolah rendah dan menengah.

"Kalau diikutkan, mommy memang tidak sanggup untuk melakukan semua tindakan ini. Maklum sahajalah, saya merupakan satu-satunya anak perempuan tunggalnya. Tambahan pula, ketika mula-mula berjauhan dahulu, saya baru berusia enam tahun.

"Tetapi hendak buat macam mana? Dia terpaksa berkorban demi memberi ruang buat saya untuk membesar seimbang dan selesa di Tambunan berbanding tinggal di Kampung Kipaku.

"Bagi saya, pengorbanan mommy terlalu tinggi nilainya. Walaupun mommy bukan orang senang, dia tetap gigih memberikan yang terbaik buat saya melalui caranya sendiri. Tidak dinafikan pandangan mata saya kabur dan samar, tetapi pandangan hati saya cukup jelas

Ratu Pecut Sukan Para, *Felicia* BERJAYA KERANA MOMMY

KEJAYAAN YANG DITEMPA OLEH GADIS BERKULIT CERAH BERUSIA 17 TAHUN INI CUKUP MEMBANGGAKAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA. BERHASIL DALAM MISI MURNI MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DI TEMASYA SUKAN PARA ASEAN DI SINGAPURA TAHUN LALU, ANAK KELAIHRAN KOTA KINABALU INI BERJAYA MENGGONDOL TIGA PINGAT EMAS DALAM ACARA 100 METER, 200 METER DAN 400 METER BAGI KATEGORI WANITA T3 (CACAT PENGLIHATAN).



Di samping ibu dan bapa yang menjadi tulang belakangnya adalah ini.


part - Achievement



▲ Felicia sewaktu berada di dalam kelas.



Felicia ketika berlatih di padang.



Jurulatih Brian Bonnie Soinehyakin Felicia mampu memenangi lebih banyak anugerah dalam kejohanan yang lebih besar pada masa hadapan.



Kenangan sewaktu menggondol kejayaan di Singapura.

melihat dan merasai limpahan kasih sayang mommy terhadap saya. "Jadi, saya sangat berterima kasih kepada mommy. Kerana dia saya berjaya. Begitu juga daddy yang tidak putus memberi galakkan. Tanpa daya dan usaha mereka berdua, tidak mungkin saya menjadi diri saya pada hari ini," ujar Felicia yang turut mengakui rutin berjauhan dengan keluarga semenjak kecil membuatkan dia sering kali merindui keluarganya di kampung. Bagi menurangkan beban rindu, Felicia akan kembali ke rumah orang tuanya sekali dalam sebulan.

FELICIA ANAK BERTUAH

Sementara itu, Nimah atau mesra disapa Agnes pula menambah, kelahiran Felicia tidak sedikit pun membuatkan dirinya malu. Malah juru mengaku, dirinya bertuntung kerana dikurniakan seorang anak yang cukup bertuah dan begitu membanggakan.

"Pada mulanya, saya tidak tahu yang Felicia telah berjaya



Felicia mengukumi kejayaan ditempa pada hari ini berkat doa daripada ibunya, Nimah.

mendapat pingat emas dalam kejohanan sukan para Asean di Singapura. Malum sahajalah, orang kampung seperti saya, mana ada gajet canggih yang boleh melihat pantas perkembangan Felicia di sana. Mujur ada orang kampung datang ke rumah dan memaklumkan perkara ini.

"Sebagai seorang ibu, saya sangat bangga dengan Felicia. Kalau dahulu saya selalu menngansi keadaan Felicia dan bimbang akan masa depannya, tetapi bezanya pada hari ini, air mata saya tumpah kerana dia bukan sahaja mengharumkan nama negara tetapi turut mengharumkan nama keluarga.

"Saya juga bersyukur Felicia membesar menjadi seorang anak yang matang dalam mengatur perjalanan hidupnya. Biar pun dia jenis yang periang, dalam diam dia serius memasang cita-cita untuk bergelar seorang guru pendidikan khas mahupun jurulatih sukan Paralimpik suatu hari nanti. Saya doakan semoga impiannya akan tercapai," kata Nimah yang biasanya akan membelanjakan sedikit wang untuk membeli ikan di pasar bagi memasak makanan kegemaran anak tersayang iaitu ikan goreng.

POTENSI BESAR

Berkongsi bicara bersama jurulatih, Bryan Bonnie Soineh tentang atlet baru berbakat besar ini pula, dia yang bertanggungjawab dalam memantapkan mutu persembahan Felicia di litar lumba melihat anak didiknya itu berpotensi besar dalam dunia sukan.

"Felicia sememangnya punya minat mendalam terhadap sukan. Semenjak di sekolah rendah lagi dia

sudah memenangi banyak anugerah sukan baik di peringkat sekolah, zon, daerah mahupun negeri. Terbaru dia cemerlang di kejohanan sukan PARA ASEAN kali ke lapan.

"Jadi saya berasakan Felicia mampu memenangi lebih banyak anugerah dalam kejohanan yang lebih besar pada masa hadapan.

"Disokong dengan disiplin diri yang baik, rajin dan patuh dengan arahan, saya yakin anak didik saya ini mempunyai masa depan yang gemilang.

"Buat masa ini, saya sedang menyediakan Felicia bagi kejohanan Sukan Para Asean kali ke sembilan yang akan berlangsung serentak dengan Sukan Sea ke-9 di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 2017 nanti.

"Saya merancang melakukan penambahbaikan dalam latihannya dan tumpuan akan terus diberikan kepada rutin yang mengasah potensi Felicia untuk bergelar atlet bertaraf dunia," jelasnya yang juga sedang giat melatih Felicia bagi kejohanan Sukan PARA anjuran Malaysia Schools Sports Council (MSSSP) di Terengganu dan Paralimpiks di Brazil.



Kejayaan anak gadis ini membanggakan Malaysia.